



SIARAN MEDIA

myPORTFOLIO, EVOLUSI DALAM MEMPERTINGKATKAN KUALITI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

PUTRAJAYA, 14 MEI – Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan **Majlis Pelancaran myPortfolio : Panduan Kerja Sektor Awam** pada hari ini bertempat di **Bangunan Perdana Putra** yang telah disempurnakan oleh **YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia**.

Menurut **YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad**, melalui majlis yang diadakan ini jelas menunjukkan bahawa **Kerajaan terus komited untuk mewujudkan persekitaran kondusif** yang menyokong kepada **peningkatan daya saing di peringkat global** melalui pelbagai dasar mesra perniagaan. Hasilnya, Malaysia telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam pengiktirafan antarabangsa.

“Dalam laporan terkini ***Ease of Doing Business Report 2019*** oleh *World Bank*, kedudukan **Malaysia telah melonjak dari tempat 24 kepada kedudukan ke-15 dalam kalangan 190 buah negara**. Kedudukan ini meletakkan Malaysia mengatasi beberapa buah negara maju seperti Perancis (tangga ke-32), Switzerland (tangga ke-38) dan Jepun (tangga ke-39). Kita juga berada pada kedudukan ke-enam di Asia Pasifik selepas New Zealand, Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan,” kata Mahathir dalam ucapannya.

Tambahnya lagi, sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil inisiatif **mempertingkatkan lagi kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam** dengan **memperkenalkan myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam**. Panduan yang **dikeluarkan** oleh pihak **Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri** yang mana ianya merupakan rujukan kepada **agensi Kerajaan dalam penyediaan dokumen berkaitan prosedur, proses kerja dan tanggungjawab yang lebih teratur di peringkat jabatan dan individu**.

Inisiatif myPortfolio membolehkan seseorang penjawat awam tahu apa yang perlu dibuat dalam melaksanakan tugas mereka serta parameter dan hubungan tugas mereka dengan pegawai yang lain. Proses ini juga

memudahkan penyelia memantau status pelaksanaan tugas dan mengambil tindakan pembetulan jika berlaku kelewatan. Dengan adanya myPortfolio juga dapat memastikan supaya **tidak berlaku kelewatan dan kesilapan dalam pelaksanaan tugas** di jabatan Kerajaan dan sekaligus dapat **meningkatkan produktiviti** yang membawa kebaikan kepada rakyat.

MAMPU turut mengeluarkan **Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir** yang memperincikan lagi pelaksanaan penyediaan carta alir aktiviti utama di jabatan Kerajaan. Agensi-agensi Kerajaan perlu memaparkan carta alir-carta alir aktiviti utama mereka di tempat-tempat strategik di premis agensi. Inisiatif ini mempamerkan ketelusan Kerajaan dan juga betapa Kerajaan memahami kehendak dan ekspektasi rakyat.

“Kerajaan kini fokus terhadap **agenda reformasi** dan **pemeriksaan tadbir urus bagi mencegah berlakunya rasuah, ketirisan, penyelewengan** dan **salah guna kuasa** sebagai pemangkin kepada wujudnya persekitaran kondusif yang menyokong kepada peningkatan daya saing negara di peringkat global,” tegas Mahathir.

Majlis hari ini turut dihadiri oleh lebih kurang 70 orang yang terdiri daripada ahli-ahli mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) dan empat (4) rakan strategik Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Disediakan oleh:

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU), Jabatan Perdana Menteri
Tel : 03-88723138
Fax : 03-88883566